

# UMS tambah pengambilan pelajar perubatan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menambah bilangan pelajar yang diambil untuk bidang perubatan tahun ini kepada 70 orang berbanding 40 orang pada pengambilan tahun sebelumnya, kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Fu Ah Kiow.

“Jadi dengan penambahan pengambilan daripada UMS dan juga lain-lain universiti yang menawarkan kursus perubatan, saya berharap masalah kekurangan tempat dalam kursus perubatan akan dapat dikurangkan,” katanya semasa melawat UMS di sini, pada Isnin.

Ketika ditanya sama ada langkah itu mampu ditampung oleh tenaga pengajar dan kemudahan sedia ada di UMS, beliau berkata, pihak kementerian telah meningkatkan peruntukan bukan sahaja daripada segi prasarana dan peralatan perubatan, bahkan juga jumlah tenaga pengajar yang diperlukan.

Fu berkata, Kementerian Pengajian Tinggi telah membuat keputusan untuk meningkatkan jumlah pelajar perubatan kepada 1,400 dalam masa lima tahun ini dan untuk mencapai objektif itu, pengambilan lebih daripada 200 orang pelajar baru diperlukan setiap tahun.

Mengenai pencapaian UMS, beliau berkata, universiti itu yang mencecah usia sedekad tahun lepas telah mendapat perhatian dan pengiktirafan antarabangsa dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) tertentu seperti biodiversiti.

Fu berkata, sebagai contoh, 60 peratus daripada geran penyelidikan dan pembangunan yang diterimanya dalam lima tahun lepas berjumlah RM45 juta, adalah daripada luar negara.

Graduan UMS juga boleh dikatakan laris di pasaran pekerjaan dengan 85 peratus daripada mereka mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian, katanya.

“Ini adalah kerana pelajar-pelajar UMS berpeluang membuat major dan minor dalam pengajian mereka dan ini memberi nilai tambah kepada ijazah yang mereka dapat.

“Sebagai contoh, mereka yang mengambil jurusan ekonomi akan membuat major di dalam bidang ekonomi dan mengambil minor atau kursus sampingan di dalam bidang perniagaan yang secara tidak langsung gabungan-gabungan dua kursus ini memberikan mereka kelebihan di dalam mencari pekerjaan,” kata Fu. – Bernama

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DAILY EXPRESS, 14/06/2005, SELASA,  
MUKASURAT 1